



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**AKU JANJI  
PELAJAR UiTM**

**SALINAN FAIL**



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

### SURAT AKU JANJI

Saya, \_\_\_\_\_

No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_ dengan sesungguhnya dan sebenarnya berjanji bahawa saya akan berusaha sedaya upaya untuk mencapai kecemerlangan dalam ilmu dan akan sentiasa mempertingkatkan budi pekerti yang mulia. Saya akan mematuhi undang-undang, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan apa-apa arahan yang terpakai kepada pelajar-pelajar Universiti Teknologi MARA ('Universiti'), yang dibuat dari masa ke semasa sepanjang saya menjadi seorang pelajar Universiti. Maka dengan ini saya berjanji bahawa saya antara lain :-

a) akan mematuhi subseksyen 23F (1), AKTA Universiti Teknologi MARA 1976, AKTA 173, untuk tidak menjadi ahli, atau dengan apa-apa cara bersekutu dengan, mana-mana persatuan, parti politik, kesatuan sekerja atau mana-mana jua pertubuhan, badan atau kumpulan orang lain, sama ada tidak ianya ditubuhkan dibawah undang-undang, sama ada ianya di dalam Universiti atau di luar Universiti, dan sama ada ianya di dalam Malaysia atau diluar Malaysia, kecuali sebagaimanayang di peruntukan oleh atau di bawah akta Institusi-Institusi pelajaran (tatatertib) 1976, atau kecuali sebagaimana yang diluluskan terlebih dahulu secara bertulis oleh menteri pendidikan;

b) akan mematuhi subseksyen 23F (3), AKTA Universiti Teknologi MARA 1976, Akta 173 untuk tidak menyatakan atau berbuat sesuatu yang boleh ditafsirkan sebagai menyatakan sokongan, simpati atau bingkangan terhadap mana-mana parti politik atau kesatuan sekerja atau sebagai menyatakan sokongan atau simpati dengan mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang haram :-

c) akan mematuhi peruntukan berkenaan dengan tatatertib am sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Institusi Pelajar (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1976 termasuklah :-

i) tidak akan melanggar peruntukan berhubungan dengan larangan-larangan am, yang antara lain termasuklah :-

a) Tidak akan merosakkan atau mendatangkan mudarat kepada kepentingan, kesentosaan dan nama baik Universiti, mana-mana pelajar, kakitangan, pegawai atau pekerja universiti ;

b) Tidak akan merosakkan atau mendatangkan mudarat kepada ketenteraman awam, akhlak, kesopanan atau tatatertib ; dan

c) Tidak akan melanggar mana-mana peruntukan, mana undang-undang bertulis sama ada

ii) Peruntukan berkenaan dengan kehadiran dalam kuliah, latihan amali, pakaian dan penampilan diri, menduduki peperiksaan dan sekatan mengenai penggunaan teks kuliah ;

iii) Peruntukan berkenaan dengan mengorganisasi perhimpunan, penggunaan pembesar suara, panji-panji dan plakat-plakat ;

- iv) Peruntukan berkenaan dengan penerbitan, pembahagian dan pengedaran dokumen-dokumen ;
  - v) Peruntukan berkenaan dengan aktiviti pelajar di luar kampus dan penglibatan pelajar dalam apa-apa pekerjaan ;
  - vi) Peruntukan berkenaan larangan berjudi, minum dan memiliki minuman keras, memiliki bahan lucah, memiliki dan menggunakan dadah dan racun ; dan
  - vii) Peruntukan berkenaan kebersihan dalam kampus, kawasan larangan dan kad pelajar ;
- d) akan mematuhi peruntukan berkenaan dengan tata tertib asrama sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Institusi Pelajaran. (Tata tertib Pelajar-Pelajar) 1976; dan
- e) akan mematuhi peruntukan berkenaan dengan tata tertib lalulintas jalan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Institusi Pelajaran. (Tata tertib Pelajar-Pelajar) 1976;

Saya sesungguhnya faham bahawa sekiranya saya tidak mematuhi mana-mana peruntukan dalam undang-undang, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan atau arahan tersebut, maka tindakan boleh diambil ke atas saya menurut peruntukan undang-undang, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan atau arahan berkenaan, termasuklah dibuang dari universiti.

Tarikh : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Pelajar

Nama Pelajar : \_\_\_\_\_  
No. Pelajar : \_\_\_\_\_  
Program : \_\_\_\_\_  
Fakulti : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Saksi Pelajar

Nama : \_\_\_\_\_  
Jawatan : \_\_\_\_\_

## IKRAR SISWA

Bahawasanya saya, sebagai pelajar Universiti Teknologi MARA, dengan penuh kerelaan berikrar :-

- ❖ **MENGGUNAKAN PELUANG DENGAN SEPENUHNYA UNTUK MENINGKATKAN PENCAPAIAN AKADEMIK.**
- ❖ **MEMATUHI UNDANG-UNDANG DAN SEGALA PERATURAN DENGAN SEPENUHNYA.**
- ❖ **MENJAGA DAN MEMELIHARA NAMA UNIVERSITI, MENGHORMATI KAKITANGAN UNIVERSITI DAN SESAMA SISWA-SISWI SERTA MEMELIHARA HARTA BENDA UiTM DENGAN SEBAIK-BAIKNYA.**
- ❖ **MENGHORMATI TATASUSILA BERDASARKAN AGAMA DAN BERSOPAN SANTUN DARI SEGI KELAKUAN DAN PAKAIAN SERTA RUPADIRI.**
- ❖ **MENGHINDARI DIRI DARI TERLIBAT DENGAN KEGIATAN-KEGIATAN YANG BERTENTANGAN DENGAN DASAR-DASAR KERAJAAN.**

Saya, dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku janji bahawa saya akan mematuhi semua undang-undang, status, peraturan-peraturan, kaedah-kaedah dan apa-apa arahan yang terpakai kepada pelajar-pelajar Universiti Teknologi MARA, yang dibuat dari masa ke semasa.

Saya sesungguhnya faham bahawa sekiranya saya tidak mematuhi mana-mana peruntukan dalam undang-undang, status, peraturan-peraturan, kaedah-kaedah atau arahan tersebut, maka tindakan boleh diambil ke atas saya menurut peruntukan undang-undang, status, peraturan-peraturan, kaedah-kaedah atau arahan berkenaan, termasuklah dipecat dari Universiti Teknologi MARA.

Tarikh : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Pelajar

Nama Pelajar : \_\_\_\_\_

No. Pelajar : \_\_\_\_\_

Program : \_\_\_\_\_

Fakulti : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Saksi Pelajar

Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_